

**Kementerian Penerangan Peningkatkan Program Patriotik 1Malaysia  
Bernama  
28 Disember , 2011**

KOTA BAHARU, 28 Dis (Bernama) -- Langkah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan memperluaskan Program Patriotik 1Malaysia bukan untuk merampas hak atau menyekat kebudayaan kaum lain tetapi mahu mengeratkan lagi perpaduan di bawah konsep 1Malaysia, kata Timbalan Menteri Datuk Maglin Dennis D'Cruz.

Beliau berkata langkah kerajaan itu baik untuk menyatupadukan semua kaum dan bukan seperti perjuangan parti pakatan pembangkang yang cuba memecah-belahkan perpaduan antara kaum dalam negara.

"Konsep perjuangan yang dibawa oleh pemimpin pakatan pembangkang termasuk Ketua Umum parti Pakatan Rakyat (Datuk Seri) Anwar Ibrahim lebih ke arah memecah-belahkan perpaduan, bukan untuk menyatu-padukan masyarakat berbilang bangsa di negara ini," katanya pemberita di sini.

Justeru, katanya kerajaan melalui kementerian itu akan memperhebatkan lagi usaha ke arah mengeratkan perpaduan masyarakat di bawah satu komuniti dengan mengadakan program berteraskan semangat patriotik ke seluruh negara.

"Contohnya, kita memperkenalkan program pertandingan Bintang Patriotik 1Malaysia peringkat Parlimen Kuala Krai. Ini juga selaras dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menerusi gagasan 1Malaysia, yang berteraskan Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=636940>